

# Greater KL bertaraf dunia

5 program dilaksana wujud pusat ekonomi nasional, global

**G**REATER Kuala Lumpur (Greater KL) adalah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang akan diberi tumpuan sebagai pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Greater KL yang meliputi ibu negara dan bandar satelit di sekitarnya berada pada kedudukan baik untuk menjadi pusat pertumbuhan nasional dan gerbang ke arah membangunkan ekonomi global dengan memanfaatkan kekuatan populasi kosmopolitan, warisan Asia yang unik dan infrastruktur bertaraf dunia.

Bagi meletakkan Greater KL bertaraf dunia, kombinasi strategi pertumbuhan ekonomi dan kesesuaian didiami adalah perlu dengan lima program utama akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) iaitu:

- Mewujudkan Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan global terutama kewangan Islam dan perkhidmatan profesional berkaitan untuk menarik organisasi tempatan dan antarabangsa bagi dasar serta pementaian kewangan serta bakat;

- Membangunkan Sime Darby Vi-

sion Valley yang meliputi Koridor Pembangunan Guthrie, Kluster Eksperimen Hijau Ampar Tenang, Kluster Ekopelancongan Pulau Carey dan Kluster Estet Logistik Sepang;

- Menjadikan Greater KL destinasi pelancongan dengan memanfaatkan institusi ikonik seperti Muzium Negara dan Istana Budaya serta Malaysia Truly Asia Centre yang dibangunkan dalam RMKe-10;

- Mewujudkan rangkaian ruang awam terbuka yang menarik dengan membangunkan strategi ruang terbuka komprehensif, bukan sekadar menyediakan tanah dan infrastruktur tetapi juga strategi menarik orang awam ke ruang berkenaan, manakala Tasik Perdana seluas 101 hektar akan dibangunkan menjadi taman botani bertaraf dunia; dan

- Merubah pengangkutan awam bandar merentasi Greater KL melalui Sistem Pengangkutan Gerak Cepat (MRT) bagi memastikan jalinan hubungan yang lancar.

Sementara itu, 11 NKEA ialah minyak dan gas, minyak sawit dan produk berkaitan, perkhidmatan kewangan, pemborongan dan peruncitan, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi, pendidikan, elektronik dan elektronik, perkhidmatan

perniagaan, penjagaan kesihatan swasta, dan pertanian.

Bagi memantapkan aktiviti industri minyak dan gas serta memanfaatkan potensi sedia ada, beberapa inisiatif dilaksana termasuk meluaskan peluang perniagaan dalam aktiviti logistik dan maritim, serta memperkukuh perkhidmatan profesional berkaitan minyak dan gas serta wujudkan jaguh antarabangsa.

Keluaran industri sawit kepada Keluaran Dalam Negara Kasar didasar meningkat kepada RM21.9 bilion dan pendapatan eksport RM69.3 bilion, melalui pelbagai inisiatif termasuk mempromosi Malaysia sebagai hab global minyak sawit dan destinasi pilihan pelaburan asing.

Inisiatif utama yang akan dilaksanakan untuk perkhidmatan kewangan pula termasuk merumus rangka tindakan sektor kewangan yang baru bagi melaksanakan strategi untuk perkembangan sektor kewangan yang akan menyokong dan memacu pembangunan ekonomi Malaysia.

Bagi teknologi maklumat dan komunikasi, strategi utama akan diguna pakai termasuk mengena pasti dan membangunkan bidang terpilih seperti pembangunan perisian dan penyumberan luar serta e-bisnes.